

>> Anggota penyelamat mengambil masa 45 minit untuk memujuk budak itu keluar

HARIAN METRO



ANGGOTA bomba berusaha memujuk budak lelaki untuk keluar dari rekahan simen di Petra Jaya.

# KELUARLAH DIK...

■ Kanak-kanak merajuk dimarahi ibu sembunyi celah rekahan simen

Ekhwan Haque Fadzil Haque  
ekhwan@hmetro.com.my

**Petra Jaya**

Hanya kerana meraluk dimarahi ibunya, seorang budak lelaki menyorok di celah rekahan simen berdekatan pagar Sekolah Kebangsaan Semerah Padi di Jalan Depo, di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian jam 4.30 petang, murid terbabit yang berusia 10 tahun pada awalnya bermain bersama beberapa rakan sebelum disuruh ibunya supaya berhenti bermain.

Berkecil hati dengan teguran itu, budak lelaki terbabit kemudian lari ke bahagian belakang sekolah menyebabkan dia gagal dikesan ibunya.

Namun, selepas mencari beberapa minit di kawasan sekolah, seorang murid memaklumkan terlihat budak lelaki terbabit bersembunyi dalam rekahan simen setinggi 0.3

66

Pegawai dan anggota bertugas mengambil masa kira-kira 45 minit untuk memujuk budak lelaki itu keluar.

Mohd Mirza Dzalmira Miraj

meter di bahagian pagar sekolah berkenaan untuk menyorok.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Petra Jaya Mohd Mirza Dzalmira Miraj berkata, ibu dan beberapa rakan kemudian menghampiri rekahan berkenaan dalam usaha memujuk supaya budak lelaki terbabit keluar.

Walaupun sudah dipujuk, budak lelaki itu masih enggan keluar sehingga pasukan bomba dipanggil ke lokasi untuk membantu mengeluarkannya.

Billik gerakan menerima panggilan kecemasan jam 5 petang sebelum sepasukan pegawai dan anggota dari

BBP Petra Jaya bergegas ke lokasi untuk operasi mengeluarkan budak lelaki terbabit.

"Pegawai dan anggota bertugas mengambil masa kira-kira 45 minit untuk memujuk budak lelaki itu keluar kerana bimbang sekiranya ada haiwan berbisa di dalam rekahan berkenaan," katanya.

Mohd Mirza berkata, anggotanya sukar untuk masuk ke celah rekahan terbabit kerana ruang yang sempit dan hanya boleh memuatkan badan saiz kanak-kanak.

Usaha memujuk tetap diteruskan walaupun hujan sebelum budak lelaki terbabit lembut hati seterusnya keluar dari rekahan dalam keadaan kesejukan selain kakinya kejang.

"Budak lelaki itu menerima rawatan awal di Unit Kecemasan Perkhidmatan Penyelamat Peribatan (ERMS) sebelum dihantar ke Hospital Umum Sarawak untuk pemeriksaan lanjut," katanya.

